

Jangan sombong kalau hendak berjaya

KEPALA BATAS 19 Okt. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, umat Islam perlu menghindari sifat buruk terutama sikap sombong bagi mencapai kejayaan.

Beliau berkata, umat Islam sebaliknya perlu sentiasa menanam sifat tawaduk, ikhlas, sabar, penyayang dan adil dalam setiap urusan untuk mengembalikan kegemilangan umat Islam masa lampau.

"Manusia tidak perlu bersikap bodoh sombong kerana ia amat merugikan dan tidak mensyukuri nikmat Allah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menyampaikan tazkirah Maghrib di Masjid Jamek Kampung Baharu Pinang Tunggal di sini malam ini.

Abdullah berkata, sikap terpuji termasuk tekun mencari ilmu pengetahuan merupakan asas kekuatan umat Islam lampau.

Beliau berkata, keagungan Islam pada zaman Nabi Muhammad s.a.w dicapai apabila umat Islam mempunyai kekuatan ilmu.

Katanya, al-Quran menyuruh umat Islam berfikir tentang setiap kejadian di sekeliling untuk melihat kebesaran Allah.

"Manusia yang tidak berilmu adalah pembazir nombor satu sebab tidak tahu hendak buat apa-apa," jelasnya.